

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_

Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai SME. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Penanggung Insurans”/“Kami”)**  
**Nama Produk** : **Allianz Protect SME – Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai**

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Polisi Insurans Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai (polisi D & O) menyediakan perlindungan kewangan kepada para pengarah dan pegawai jika mereka disaman ketika melaksanakan tugas mereka. Di samping bayaran ganti rugi terhadap penghakiman atau penyelesaian, polisi ini turut membayar balik kos-kos pembelaan.

Allianz Protect SME – Insurans Para Pengarah dan Pegawai direka untuk membantu melindungi sebilangan besar syarikat bersaiz kecil ke sederhana. Produk ini tersedia untuk syarikat-syarikat menguntungkan yang telah menjalankan perniagaan selama lebih daripada dua tahun dengan perolehan tahunan sehingga RM100 juta.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Fasal Menginsurans 1.1: Para Pengarah dan Pegawai

Penanggung insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan untuk sebarang kerugian yang timbul daripada Tuntutan dibuat pertama sekali terhadap Pihak Diinsuranskan semasa Tempoh Polisi.

Fasal Menginsurans 1.2: Pembayaran Balik Syarikat

Penanggung insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Syarikat sebarang Kerugian yang timbul daripada mana-mana Tuntutan yang dibuat pertama kali terhadap Pihak Diinsuranskan semasa Tempoh Polisi ke takat Syarikat telah melindungi Pihak Diinsuranskan tersebut berhubung dengan Kerugian itu secara sah.

Fasal Menginsurans 1.3: Kos Perwakilan Perundangan

Penanggung Insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan sebarang Kos Perwakilan Perundangan yang timbul daripada Siasatan yang dibuat pertama kali semasa Tempoh Polisi. Penanggung Insurans akan membayar sehingga had bawahan yang dinyatakan.

Berikut adalah lanjutan auto b Anak Syarikat Baru

- Kos Pembelaan untuk Tuntutan di bawah Bahagian 46 Akta Wang Simpanan Pekerja 1991.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Kami akan menawarkan empat (4) opsyen Had Liabiliti secara automatik, iaitu RM 1,000,000, RM 2,500,000, RM 5,000,000 dan RM 10,000,000 dan premiumnya bergantung kepada yang berikut:

- Saiz perolehan tahunan (mestilah tidak melebihi RM100 juta)
- Kelas perniagaan
- Sama ada syarikat anda dimiliki secara persendirian (Sendirian Berhad) atau tersenarai pada Bursa Malaysia Berhad

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

**Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.**

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Tiada borang cadangan diperlukan untuk produk ini
- Syarikat anda seharusnya telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 24 bulan.
- Syarikat anda belum mengambil-alih mana-mana syarikat yang mempunyai jumlah aset lebih besar daripada RM30 juta pada 12 bulan sebelum ini.
- Keadaan kewangan syarikat anda pada dua tahun kebelakangan ini mesti menunjukkan keuntungan sebelum cukai, aset melebihi liabiliti-liabiliti dan tidak mempunyai kelayakan audit.
- Syarikat anda tidak mempunyai sebarang sekuriti, operasi atau lokasi di mana-mana tempat di AS atau Kanada.
- Tiada tuntutan atau keadaan-keadaan sebelum ini yang mungkin menyebabkan tuntutan dibuat terhadap anda, anak-anak syarikat atau para Pengarah atau Pegawai anda.
- Tiada litigasi atau siasatan sebelum ini atau yang masih berjalan yang melibatkan anda, anak-anak syarikat atau para Pengarah atau Pegawai anda.
- Anda seharusnya menyediakan Pemberitahuan sebaik sahaja ianya boleh dipraktikkan dan dalam sebarang kejadian semasa 30 hari dari tarikh luput Tempoh Polisi atau Tempoh Penzahiran jika dipilih.
- Polisi ini diguna pakai kepada salah laku dan tuntutan-tuntutan yang dibuat dan siasatan yang dilakukan, di mana-mana sahaja di dunia.
- Insurans ini adalah tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium perlu dibayar dan diterma penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh ianya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan polisi dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans berhak ke atas premium pro-rata 60 hari.

**6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak meliputi kerugian-kerugian tertentu seperti:

- Keuntungan Perseorangan, pemalsuan atau penipuan
- Akta Keselamatan Pendapatan Persaraan Pekerja, 1954 (AS)
- Untuk kecederaan tubuh badan/kerosakan harta
- Pencemaran (dengan "carveback")
- Pihak Diinsuranskan lawan Pihak Diinsuranskan (dengan "carveback")
- Pemegang Saham Utama
- Perkhidmatan Profesional (dengan "carveback")

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Polisi ini tidak boleh dibatalkan oleh anda atau kami kecuali disebabkan oleh premium yang tidak dibayar.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada cawangan-cawangan kami atau anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.